



## PELUANG KERJAYA DI LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

Pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi jawatan **PENOLONG PENGARAH Gred 41 (Terbuka)** di Sekretariat Teknologi dan Teknikal (TTAS) Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

### CARA-CARA MEMOHON

Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan melalui link berikut  
<https://forms.gle/YxBzMwWKEycan8sM9>

Calon-calon yang memohon dikehendaki menghantar salinan CV dan menyelesaikan tugas seperti berikut:

Tajuk : *Future Directions for Technology and Education in Malaysia: Issue and Challenges*

(karangan haruslah disediakan dalam Bahasa Inggeris tidak melebihi 150 patah perkataan meliputi Pendahuluan, Isu dan Cabaran serta Kesimpulan/Cadangan)

### LOKASI PEJABAT

Lembaga Teknologis Malaysia, Putrajaya

### TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada 19 Februari 2021 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari. Permohonan yang lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

### PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian **03-8800 6268** atau e-mel: [hr@mbot.org.my](mailto:hr@mbot.org.my)

**SYARAT-SYARAT UTAMA PERMOHONAN MENGIKUT JAWATAN**  
**PENOLONG PENGARAH GRED 41 (TERBUKA)**

**1. Maklumat Perjawatan**

- |                                 |   |                            |
|---------------------------------|---|----------------------------|
| (i) Jawatan                     | : | Penolong Pengarah          |
| (ii) Kumpulan Perkhidmatan      | : | Pengurusan dan Profesional |
| (iii) (Klasifikasi Perkhidmatan | : | Terbuka                    |
| (iv) Taraf Jawatan              | : | Kontrak                    |

**2. Jadual Gaji**

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
41	2,422.00	10,530.00	225.00

**3. Elaun dan Kemudahan**

- (i) Elaun: Kadar bayaran elaun adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang masih berkuat kuasa
- (ii) Kemudahan: Kemudahan adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang masih berkuat kuasa

**4. Syarat-Syarat Lantikan**

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi umur 56 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Kelayakan:
  - (a) Sekurang-kurangnya memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang teknologi atau setara dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pendidikan tinggi.
  - (b) Syarat Bahasa Malaysia - calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(c) Syarat Lantikan Tambahan:

- (1) mempunyai kemahiran komputer dan aplikasi teknologi terkini;
- (2) mempunyai pengalaman secara langsung dalam pengurusan akreditasi teknologi dan teknikal di institusi pendidikan tinggi;
- (3) berkebolehan bertutur dan **penulisan yang baik** dalam **Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu**.

5. Fungsi/ Bidang Tugas

- (i) membantu pengarah dalam melicinkan perlaksanaan aktiviti;
- (ii) bertanggungjawab dalam menguruskan pentadbiran, aktiviti dan operasi TTAS;
- (iii) mengawal, merancang serta mengeluarkan arahan yang tepat kepada pegawai dan kakitangan supaya hasil kerja yang dikeluarkan adalah produktif dan berkualiti semasa menjalankan kerja luar dan semasa di pejabat;
- (iv) bertanggungjawab mentadbir dan menyelia pejabat TTAS serta kakitangan;
- (v) menyelia kerja-kerja pejabat dengan menyemak hasil kerja laporan akreditasi supaya lengkap, kemas, teratur dan berkualiti sebelum dikemukakan kepada pihak berkenaan;
- (vi) mengurus, memantau, mengawal selia, mentaksir dan menambah baik proses akreditasi dan operasi TTAS;
- (vii) memastikan urusan pentadbiran dan operasi TTAS berjalan dengan lancar; dan
- (viii) menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.